



Jabatan Mufti Negeri Perak

**KEWAJIBAN SOLAT FARDHU SECARA SEMPURNA SEMASA  
MAJLIS PENUTUPAN SUKAN MALAYSIA (SUKMA XIX) 2018  
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Jabatan Mufti Negeri Perak telah dirujuk berkaitan isu solat jamak ketika menyaksikan atau mengadakan persembahan dalam upacara pembukaan Sukan Malaysia (SUKMA XIX) 2018 yang telah berlangsung pada 12 September 2018 di Stadium Perak, Ipoh.
2. Jabatan ini menasihatkan agar pihak-pihak yang terlibat dalam upacara penutupan SUKMA sama ada **para atlet, para urus setia dan petugas, mereka yang terlibat dengan persembahan serta penonton**, agar mengerjakan solat fardhu secara tamam (sempurna) tanpa dijamakkan (dihimpunkan) Maghrib dan Isyak.
3. Oleh yang demikian, Jabatan ini menasihatkan agar semua warga muslim agar mengambil berat tentang kewajiban menunaikan solat dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - 1) sesiapa yang berkewajiban melaksanakan ibadat solat hendaklah mengambil tindakan awal dengan mengambil wudhuk terlebih dahulu serta sentiasa memelihara wudhuk,
  - 2) menyediakan pakaian dan kelengkapan solat termasuk sejada,
  - 3) berusaha sebaik mungkin untuk melaksanakan tuntutan solat di awal waktu terutamanya solat Maghrib.

Disediakan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Perak

11 Muharam 1440H / 21 September 2018M